



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI

Y.B. TIMBALAN MENTERI

Y.BHG. KSU

Y.BHG. TKSU (PDN)

Y.BHG. TKSU (PUP)

SETIAUSAHA AKHBAR

7 APRIL 2021 (RABU)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

7 APRIL 2021 (RABU)

'Sedia bongkar segala ketirisan'

Oleh AMREE AHMAD
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tidak akan menyembunyikan perlakuan salah termasuk penyelewengan minyak masak bersubsidi oleh pihak terlibat.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, kementeriannya juga malah sedia membongkarkan segala isu berkaitan ketirisan agar rakyat terutama pengguna tampil berkerasama.

"Apa yang dilaporkan (*Utusan Malaysia*) itu memang betul dan kita tidak malu mendedahkan supaya rakyat tidak takut bantu penguat kuasa kementerian dengan memberikan maklumat awal," katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan Program Pembangunan Francais Mikro dan Francais Mampu Milik di Kompleks Alamanda Putrajaya, di sini hari ini.

Utusan Malaysia melaporkan



“

Apa yang dilaporkan (*Utusan Malaysia*) itu memang betul dan kita tidak malu mendedahkan supaya rakyat tidak takut bantu penguat kuasa kementerian dengan memberikan maklumat awal.”

ALEXANDER NANTA LINGGI

pendedahan Pengarah Penguasa kementerian itu, Azman Adam mengenai 'pakatan jabat' penyelewengan subsidi minyak masak polibeg satu kilogram melibatkan pengedar, pemborong dan pembungkus semula yang mengakibatkan ketirisan kira-kira RM50 juta yang diberikan pihak kerajaan kepada sektor industri pada setiap bulan.

Modus operandinya dengan memindahkan minyak ber-

subsidi itu yang sepatutnya dibungkus kepada bentuk botol untuk dibeli pula pihak komersial pada harga lebih RM2.50 sekilogram.

Mengulas lanjut, Alexander berkata, pihak penguasa kementerian amat mengharapkan kerjasama masyarakat untuk membendung gejala penyelewengan subsidi diberikan kerajaan dan pada masa sama, meminta masyarakat tidak gen-

tar melaporkan kepada pihak kementerian untuk tindakan susulan kerana ia turut memberi kesan kepada rakyat akhirnya.

"Jika dilihat angka rampasan pada tahun lepas mencatatkan peningkatan berbanding 2019 dan ini menunjukkan bukti, kita tidak berkompromi terhadap pihak yang seleweng," katanya merujuk kepada situasi minyak masak bersubsidi kurang dalam pasaran, sedang-

kan pengilang mendakwa bekalan lebih daripada mencukupi keperluan.

Justeru, beliau memberi amaran keras tindakan tegas boleh dikenakan terhadap pihak industri yang bersabahat dalam penyelewengan produk berkenaan sehingga menyusahkan rakyat.

"Kegiatan ini haram dan menyalahi undang-undang se lain mengalirkan wang kerajaan yang seharusnya untuk golongan B40 tetapi pihak lain pula dapat untung besar," katanya kesal.

Ketika ini, terdapat 25 pengilang dan 296 syarikat pembungkus di seluruh negara dengan pengeluaran 60,000 tan metrik pada setiap bulan untuk minyak masak bersubsidi sekilogram.

Namun untuk mengekang pembelian panik, mulai 19 Januari lalu, Arahah Penetapan Had Pembelian dibuat dengan setiap pembeli hanya tiga peket polibeg dalam satu transaksi.

Peniaga pasar awam Putrajaya wajib guna e-wallet

Putrajaya: Peniaga pasar tani dan pasar awam di pusat pentadbiran kerajaan di sini, bakal diwajibkan menggunakan aplikasi e-wallet sebagai antara syarat memperbaharui lesen perniagaan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid, berkata syarat yang akan dilaksanakan dalam masa terdekat itu adalah sebagai usaha bagi memastikan peserta industri peruncitan, bersedia menghadapi model perniagaan baharu berkonsepkan digitalan.

Katanya, pasar tani Putrajaya dipilih untuk pelaksanaan fasa pertama Pendigitalan Sektor Peruncitan (Retail Digitalisation Inisiatif-ReDI) sebelum diperluaskan ke seluruh negara dalam fasa kedua mulai Mei.

"Kementerian menasarkan 100 pasar tani dan pasar awam menggunakan e-wallet menjelang hujung tahun ini," katanya pada Majlis Pelancaran Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan di Presint 2 di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad dan Timbalan Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Mohamed Mustahapa Awang.

Fokus utama ReDI adalah bagi memastikan 12,844 peniaga di 306 pasar tani dan pasar awam di seluruh negara menyediakan kemudahan e-wallet.

ReDI adalah sinergi strategik agensi kerajaan dan swasta membabitkan KPDNHEP dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Perbadanan Putrajaya (PPj), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta Maybank, Touch n Go dan Axiata Berhad.

Rosol berkata, kelebihan menggunakan e-wallet itu menjadikan rekod kewangan peniaga mikro dan kecil, terutama dalam kalangan pengusaha Bumiputera lebih tersusun.

"Peniaga juga mempunyai akses kepada pinjaman mikro bagi mendapatkan kemudahan pembiayaan pemegang e-wallet."

"Bagi memastikan sasaran itu tercapai, KPDNHEP memerlukan kerjasama strategik dari pihak FAMA, pihak berkuasa tempatan serta setiap pejabat KPDNHEP Negeri," katanya.

KPDNHEP bongkar penyeludupan diesel tengah laut

Kuala Terengganu: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berjaya menumpaskan sindiket penyeludupan minyak diesel di tengah laut susulan perahanan lima lelaki di Kampung Teluk Pasu, Manir, di sini, kelmarin.

Dalam serbuan pada jam 12.15 tengah malam, sepasukan anggota kementerian itu berjaya merampas 53,000 liter minyak diesel bernilai RM930,150 yang disorokkan di dalam sebuah stor pelupusan bahan binaan.

Pengarah KPDNHEP negeri, Saharuddin Mohd Kia, berkata hasil serbuan pihaknya turut menyita sebuah lori tangki dan dua bot kargo yang disyaki digunakan dalam aktiviti penyeludupan kapal binaan.

"Siasatan awal mendapati, sindiket ini memindahkan minyak diesel yang disyaki diseludup dari tengah laut di perairan Terengganu dengan menggunakan kapal tangki.

"Hasil risikan selama dua bulan, kita percaya minyak diesel yang diseludup ini untuk dieendaran bagi kegunaan industri," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Saharuddin berkata, tiga suspek ditahan di dalam stor berkenaan, manakala seorang di dalam bot kargo.

"Seorang lagi suspek menyerah diri di pejabat KPDNHEP. Semua suspek ditahan untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 21, Akta Kawalan Harga 1961 kerana memiliki barang kawalan dalam keadaan menimbulkan syak munasabah.

"Jika sabit kesalahan, boleh denda RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali, manakala hukuman ke atas syarikat pula denda tidak melebihi RM2 juta," katanya.

53,000 liter

minyak diesel disorokkan di dalam sebuah stor pelupusan bahan binaan



Saharuddin (tengah) memeriksa minyak diesel yang dipindahkan ke dalam kapal yang disimpan tanpa kebenaran di sebuah stor pelupusan bahan binaan di Kampung Teluk Pasu, Manir, semalam. (Foto Ghazali Kor/BH)

HARI : RABU
TARIKH : 7/4/2021
M/SURAT : 4

Kuala Terengganu: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Terengganu merampas 53,000 liter minyak diesel yang dipercaya diseleweng, dalam serbuan di sebuah stor pelupusan bahan binaan di Kampung Teluk Pasu, di sini kelmarin.

Pengaruhnya, Saharuddin Mohd Kia berkata, turut dirampas sebuah lori tangki dan dua bot kargo dengan nilai keseluruhan RM930,150.

Beliau berkata, susulan

Seleweng 53,000 liter diesel

serbuan itu, lima lelaki berusia 30-an ditahan.

"Serbuan yang dijalankan oleh lapan pegawai penguatan pada 12.15 tengah malam (Isnin) di sebuah stor pelupusan bahan binaan telah mendapati tiga lelaki yang disyaki sebagai pekerja premis sedang leka membuat penyelenggaraan terhadap sebuah pam yang disambungkan dengan getah paip lutsinar.

"Selain itu, seorang lagi

lelaki dijumpai berada di atas bot manakala seorang lelaki kemudian menyerah diri ke pejabat KPDNHEP kesokannya.

"Dalam serbuan itu, turut dijumpai sebuah kendaraan Perodua Kelisa dan lori tangki di dalam premis terbabit," katanya dalam sidang media selepas meninjau lokasi serbuan di sini, semalam.

Hasil penelitian pihak-

pam yang bersambung dengan paip getah lutsinar berada di tepi lori tangki itu yang disambungkan ke arah belakang premis terbabit.

Selain itu, pihaknya turut mengesan sebuah lagi pam yang disambung terus ke tangki bot kargo dan bersambung dengan pam di tepi lori tangki dipercayai digunakan untuk menjalankan aktiviti pemindahan diesel. - Bernama



SAHARUDDIN (dua dari kiri) menunjukkan diesel tanpa kebenaran yang terdapat dalam bot kargo di stor pelupusan bahan binaan di Kampung Teluk Pasu, Manir, semalam.

HARI :	RABU
TARIKH :	7/4/2021
M/SURAT :	15

FILING CLAIMS

Fine-tune Consumer Protection Act 1999

SMALL claims courts have been set up in many countries around the world to avoid lengthy and expensive litigations. In Malaysia, this body is the Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM), and consumers need to pay only RMS to file a claim.

In 2019, the maximum amount claimable at TTPM was raised from RM25,000 to RM50,000. Disputing parties must appear in person at the tribunal and cannot be represented by a lawyer. As TTPM was set up to protect consumers, judgment is likely to be awarded in favour of the claimant if it is a 50:50 case.

When claims are made against large businesses, consumers would have to argue their case against formidable opponents, but the tables are turned

when dissatisfied customers file claims against tour or travel agencies, as most of these firms are small- and medium-sized enterprises.

Many are micro businesses employing only a handful of staff with minimal legal expertise.

Usually, there are no written agreements between a host of contracted service providers with their customers on a tour. Sadly, travel agents suffer a double whammy whenever something goes wrong, and there are many risks.

The only training many travel agents receive is the Travel and Tours Enhancement Course (TTEC) to obtain the certificate needed to renew their tour operating and travel agency business licences with the Tourism, Arts and Culture Ministry (MOTAC).

One of the five units in TTEC is "Tourism law and best practices", and one of the presentation slides is dedicated to the Consumer Protection Act 1999. This would serve them well in the event of a showdown at TTPM.

But more importantly, they learn the importance of avoiding a hearing at the tribunal by seeking a compromise with customers, even when they believe they are absolutely right.

This is because winning a case at TTPM, or in a civil court, would be a pyrrhic victory. It would have saved them more time and money to reach a compromise with customers. The same efforts used for a successful defence could be better spent on more productive pursuits.

While conducting training, I would

ask "Is the customer always right?"

Some would say yes, some no, while the silent majority were unsure. I would then point out that since no one can be perfect, then no customer can always be right. But if a particular customer is valued, he should be treated as if he is right even when he is in the wrong.

Always treating customers with respect and ensuring they do not lose face in any unpleasant incident will pay dividends in the long run.

TTEC is meant to train travel agents to comply with various laws, safeguard their interests with binding contracts, adopt the best practices in the travel industry; ensure the safety and security of tourists and practise responsible tourism, plus briefings by MOTAC and Tourism Malaysia.

However, there is one sticking point in the Consumer Protection Act 1999 which ought to be amended, and that is allowing up to three years for claims to be lodged. Granted, three weeks after a tour may be too short a time to file a complaint, but three months is more than enough.

Three years may be applicable in one or two odd cases among all goods and services, but it should not be applied across the board and ought to be amended to three months. For tour companies, it is unfair that they must keep customers happy for three years after a tour.

Y. S. CHAN
Tourism Master Trainer
Petaling Jaya, Selangor

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : RABU
TARIKH : 7/4/2021
M/SURAT : 16



Senarai Harga Barang Keperluan

• Ayam RM5.99	• Telur Gred A RM8.90	• Gula Pasir RM2.85	• Cili Merah RM5.90
• Daging Lembu Tempatan RM34	• Ikan Kembung RM10.90	• Bawang Besar Holland RM2.89	• Kubis Tempatan RM2.50
• Daging Lembu Import RM18.90	• Minyak Masak RMS.30	• Bawang Putih RM4.99	• Tepung Gandung RM2.19

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP